



SIARAN MEDIA

ISU LAPORAN ADUAN PENGGUNA MENGENAI MASALAH BEKALAN AIR DI GUA MUSANG OLEH ASTRO AWANI PADA 27 JANUARI 2022

1. Bandar Utama Gua Musang (**BUGM**) menerima bekalan air terawat dari Loji Rawatan Air (**LRA**) Sungai Ketil melalui tangki Jabatan Kemajuan Orang Asli (**JAKOA**).
2. Masalah berpunca dari situasi berikut:
 - i) Penggunaan paip baharu 10 inci PVC dari Taman Mesra ke jambatan Sungai Cindai menyebabkan lebih air masuk ke kawasan ini pada penghujung tahun 2021 hingga kini; dan
 - ii) Kadar kehilangan air tak terhasil (*non-revenue water* – **NRW**) semasa (45.5 %) yang lebih tinggi berbanding purata tahun lepas (35.5 %).

Akibat situasi di atas, agihan air terawat telah berkurangan ke BUGM, disamping topografi BUGM yang lebih tinggi.

3. Tindakan segera telah diambil oleh AKSB bagi menangani isu ini:
 - i) Laksana kajian di lapangan untuk mengurangkan kadar NRW;
 - ii) Bekerjasama dengan perunding pakar bagi meningkatkan kecekapan agihan air terawat ke BUGM dan pengurangan NRW.

4. Untuk penyelesaian jangkamasa pendek (tempoh empat minggu), AKSB akan memasang peralatan untuk mengawal kadar alir air ke Projek Perumahan Rakyat (**PPR**) dan ke BUGM.
5. Untuk Jangkamasa sederhana (tempoh satu tahun), AKSB akan melaksanakan projek penggantian paip dari Tangki JAKOA ke Tangki BUGM.
6. Bagi jangkamasa panjang (tempoh tiga tahun), AKSB akan membina loji baharu iaitu LRA Bukit Chupak dengan kapasiti 10 juta liter sehari (**JLH**). Projek akan di tender pada Februari 2022 dan dijangka siap pada awal 2024.
7. AKSB menasihatkan pengguna agar memaklumkan kepada AKSB sebarang masalah bekalan air terawat yang dihadapi bagi membolehkan tindakan segera diambil.
8. AKSB boleh dihubungi melalui talian 15777 atau whatsapp ke 019-5755777 atau email ke pintas@airkelantan.com.my

Melalui hubungan dan kerjasama erat di antara pengguna dan AKSB, insya-Allah AKSB akan dapat meningkatkan perkhidmatan bekalan air terawat dalam masa terdekat.

Air Kelantan Sdn Bhd
28 Januari 2022 (Jumaat)